untuk kalangan dewasa sahaja

# RAHASIA
# NIKMAT
# JIMAK

## RAHSIA NIKMAT JIMAK WARISAN MELAYU

risalah petua teknik hubungan seks untuk kepuasan maksima

Dalam kitab AtTibun Nabawi ada menyebut bahawa dalam banyak cara atau posisi persetubuhan, maka posisi persetubuhan suami di atas dan isteri di bawah adalah paling ideal dan paling baik daripada segala posisi yang ada.

Sementara posisi yang tidak baik ialah suami di bawah dan isteri di atas. Cara demikian sangat merbahaya, kerana jika inzal (terpancar mani), mani suami tidak habis keluar dan cecair yang ada di dalam liang rahim (faraj) isteri mudah mengalir atau menyerap masuk ke dalam lubang kencing suami dan ini merbahaya kerana memudahkan jangkitan kuman-kuman yang ada.

Namun, tambah kitab itu lagi, posisi itu tidaklah terbatas, kerana terdapat di dalam sebuah hadis riwayat Imam Muslim bahawa Rasulullah bersabda, maksudnya:

"Apabila seseorang itu menghendaki berjimak. boleh sahaja ia bertelungkup (suami di atas dan ister di bawah) atau tidak bertelungkup. Apa yang utamanya ialah memasukkan zakar pada lubang qubul (kemaluan) isteri, tidak pada lubang dubur. Kerana pada qubul dapat menghidupkun benih dan menghasilkan anak",

Hadis di atas menjelaskan, bahawa tidak salah bersetubuh dalam pelbagai posisi, kerana apa yang lebih utama ialah pelaksanaannya tepat pada faraj dan matlamatnya ialah untuk menghasilkan anak.

## PETUA MENCAPAI KENIKMATAN JIMAK

Sementara fatwa orang tua-tua pula memberi panduan asas persetubuhan ialah hendaklah dilakukan dengan dua cara :

1. Hendaklah dengan tujuh anggota (bagi pihak suami). Dua siku, dua lutut dan dua hujung jari kaki hendaklah menyentuh bumi atau lantai dan satu kemaluan bertemu di dalam kemaluan isteri.

2. Hendaklah dada sama dada, pusat sama pusat, perut sama perut, wajah sama wajah di antara suami isteri bertemu rapat.

Selain daripada dua cara di atas, tidak mendatangkan nikmak yang semp-wna pada kedua pihak suami isteri. Mungkin sebelah pihak sahaja merasa. Sedangkan di antara tujuan bersetubuh ialah untuk sarna-sama (suami is-teri) merasa nikmat.

## KERJASAMA SUAMI ISTERI

Dalam melaksanakan teknik bersetubuh, walau dalam apa cara atau posis-inya. maka yang penting dan menentukan masing-masing merasa nikmat dan mendapat keselesaan ialah kerjasarna di antara suami isteri. Bukan pada teknik dan posisi yang tersedia di dalam buku-buku atau petua-petua setengah orang, samada orang sekarang atau orang tua-tua dulu. Kerana sebahagian besarnya tidak dapat dipraktikkan, di sebabkan tidak sesuai den-gan posisi sebenarnya. Lagi pun teknik pelbagai posisi itu ada di antaranya menyalahi tabiat persetubuhan yang memerlukan keselesaan.

Orang tua kita kaya dengan ilmu dan petua, dan kebanyakan petua yang diberikannya amat mujarab diamalkan dengan izin Allah. Tetapi petua itu seeloknya janganlah melibatkan perkara-perkara yang bertentangan dengan syarak. Kalau kita melihat orang tua kita yang terkenal ilrnunya amat men-jaga kesihatan tubuh badannya dan zakarnya kerana kekuatan tenaga batin lelaki tiada hadnya pada umur, tidak seperti perempuan. Ia tetap ada selagi umurnya masih ada.

Ada di kalangan orang Melayu menggunakan jampi serapah untuk berkekalan kekuatan batin dan mereka menjadikannya wirid amalan harian mereka. Didapati banyak perkataan yang lerkandung di dalam jampi serapah itu tidak menepati kehendak syariat. Kadangkala apabila mereka mati, zakar mereka masih menegang dan untuk menurunkannya perlu ditekan dengan

tumit isteri atau isteri kena masukkan zakar ke dalam farajnya! Nauzubillah

Begitu juga dengan orang perempuan, ada di antara mereka menggunakan pelbagai ilmu yang dituntut secara yang salah (ilmu hitam) untuk memberi kenikmatan kepada suami agar suami tidak mengecapi kenikmatan apabila bersetubuh dengan perempuan lain, umpamanya memakai susuk, dan membaca jampi serapah, bahkan ada yang menggunakan perbuatan yang dikenali sebagai "nasi tangas". Perempuan yang mengamalkan ilmu hitam itu, dapat dikenali ketika ia mati. Kemaluannya tidak tertutup (sentiasa terbuka).

Berikut adalah petua-petua yang boleh diamalkan oleh seorang suami untuk memastikan kenikmatan maksima dapat dikecap ketika bersetubuh:

Kaedah Petua Langit-langit

1. Sebelum bersetubuh, ambilkan air di langit-langit dengan ibu jari tangan kanan.
2. Selawat tiga kali.
3. Sapukan pada seluruh bahagian jari-jari tangan kanan dan kiri.
4. Kemudian, mulakan dari pangkal zakar tepi kanan, menggunakan jari tangan kanan, selawat 3 kali, sapu hingga sampai kepada kepala zakar.
5. Kemudian alihkan ke atas, ke kiri menggunakan jari tangan kiri, ke bawah dengan kaffiah yang sama. Amalan ini bertujuan untuk memberikan kenikmatan kepada isteri supaya dia merasai zakar anda besar dan panjang semasa berjimak. Petua ini sangat perlu diamalkan oleh suami yang mempunyai zakar yang kecil untuk beri kepuasan jimak kepada isteri.

Kaedah Petua Air Liur

1. Cari tiga biji buah pelaga, buang kulitnya dan kunyah isinya dengan air liur.
2. Ambilkan air liur yang bercampur dengan buah pelaga itu dan sapukan pada kepala dan batang zakar.
3. Biarkan ia kering, lepas itu baru dibawa bersetubuh.
4. Amalan ini boleh mendatangkan kegelian dan kenikmatan pada isteri.
5. Awas ! Jangan sama sekali amalkan menyapu Gambir Sarawak atau Gambir Kudat untuk tujuan yang sama kerana mengguna gambir boleh memudaratkan kesihatan zakar dan juga peranakan isteri.

1. Ada kalanya suami tidak mampu tahan lama dalam jimak dan memancarkan maninya jauh lebih awal dari isterinya. Kemudian zakarnya jadi layu dan tidak dapat teruskan menyetubuhi isterinya.
2. Orang Melayu dahulu gemar makan ulam dan herba yang dijadikan makjun. Malangnya dengan peredaran zaman, amalan ini semakin dilupakan.
3. Ada banyak jenis herba yang bermanfaat untuk kuatkan tenaga syahwat suami. Contohnya di laman web **trebest.ZHEV com** ada menjual kapsul herba yang dirumuskan dari gingko, ginseng dan tribulus yang dikenalpasti dapat meningkatkan kekuatan syahwat lelaki.
4. Gunakan herba dengan minuman madu tulen dan amalkan makanan yang tinggi manfaat untuk kekuatan syahwat seperti buah badam/ almond, tembikai, kurma dan lain-lain lagi.

Selain itu, cara untuk mendapat lebih kenikmatan hubungan seks suami isteri secara praktikalnya ialah melaksanakan beberapa teknik yang pemah dilakukan oleh orang tua-tua dan terbukti boleh menambahkan kenikmatan luar biasa. Di antaranya ialah teknik menggoyang, teknik menahan nafas dan bernafas songsang.

## TEKNIK-TEKNIK BERJIMAK

### Teknik Menggoyang

llmu teknik menggoyang merupakan teknik-teknik yang boleh melambatkan inzal (terpancar mani) dan memberi kenikmatan kepada kedua belah pihak, juga boleh menambah kekuatan dan ketahanan zakar. Goyangan yang terkawal dan tersusun membolehkan anda dapat mengawal anzal/orgasme anda berapa lama yang anda mahu sehingga isteri benar-benar mencapai kepuasan yang sebenar.

## SENARAI TEKNIK GOYANG DAN HENJUT

### Goyangan Kesabaran

Menggoyang dengan perlahan ketika memasukkan (menikarn) zakar, tetapi

bila menarik, tarik dengan cepat hingga kepala zakar hampir keluar. Keadaan ini melambatkan keluar mani anda dan isteri terasa lebih nikmat dan mencepatkan isteri mencapai anzal.

Goyangan Jongket
Bahagian tubuh anda ke atas sedikit sehingga batang zakar kelihatan bengkok. Teknik ini akan memberi geseran kuat batang zakar kepada kelentit iaitu pusat kelazatan syahwat wanita dan menyebabkan isteri terasa nikmat dan melambatkan anzal pihak lelaki. Tanda isteri terasa nikmat ialah nafas kencang dan suara rengekannya kuat.

Goyangan Hitungan
Sewaktu menggoyang, lakukan empat puluh kali secara lambat, diikuti empat puluh kali goyangan secara cepat, lakukan secara bergilir-gilir. Cara ini menjadikan isteri terasa khayal, kerana ombakan goyangan bagai ombakan kapal di lautan. Tanda isteri terasa khayal, kelihatan matanya kuyu atau dipejamkan.

Goyangan Hentian
Bergoyang secara berselang seli dengan rehat sejenak. Goyang tiga kali, kemudian rehat sebentar, kemudian goyang lagi dan berhenti. Goyangan begini juga menjadikan isteri tersentak-sentak kesedapannya. Tanda, bila kita menggoyang, nafas dan suaranya bagai tersekat-sekat. Bila berhenti. ia menghembus nafasnya panjang.

Goyangan Berpasangan
Suami menggoyang dahulu, kemudian berhenti. Setelah itu isteri menggoyang pula dan berhenti. Lakukan bergilir-gilir. Boleh juga bergoyang secara serentak. Boleh juga suami menggoyang ke atas dan ke bawah sementara isteri menggoyang dari kiri ke kanan. Cara ini memerlukan suami isteri berpakat dan bekerjasama.

Goyangan Kekasih
Isteri menggoyang, sedangkan suami mendiamkan diri. Cara ini juga membantu melambatkan suami terpancar maninya dan memberi banyak kerehatan. Cara ini sesuai untuk suami yang cepat terpancar mani dan bagi isteri yang lambat terpancar maninya. Bagi suami pula jangan hanya berdiam diri, tetapi lakukan ciuman pada mana-mana tempat yang boleh menikmatkan

isteri, seperti menghisap puting susunya atau menghisap lidah atau bibimya atau lain-lain tempat rnengikut selera isteri. Sekiranya, isteri terasa hendak terpancar maninya, hendaklah ia memberi tahu suami agar goyang bersama -sama dan supaya sama-sama serentak terpancar mani.

Goyangan Dan Geselan Kepala Zakar.

Melakukan goyangan dengan cara menggunakan kepala zakar. Caranya ialah memasukkan zakar sampai ke takuknya agar kepala zakar berada di permukaan kemaluan isteri sahaja dan disamping itu kenakan kepala zakar pada biji kelentitnya, kerana kelazatan perempuan banyak terhimpun di bahagian permukaan faraj dan khususnya pada kelentitnya.

Bergoyanglah hanya sampai takuk sahaja dan sekali-sekala dimasukkan habis bahagian zakar dan tarik semula. Cara ini juga boleh melambatkan suami anzal (terpancar mani). Caranya menikam dengan perlahan-lahan dan apabila menarik, tarik atau rentap cepat-cepat dan tikam pula perlahan-lahan dan seterusnya.

Sebaik-baiknya anda (si suami) yang melakukan teknik goyangan, kerana dengan sendirinya anda boleh mengawal keadaan ghairah anda. Bila terasa kegelian dan hendak tezpancar mani, hentikan sekejap goyangan. Semasa berhenti itu tarik nafas dan diikuti dengan mencium dan sentuhan pada tempat sensitif isteri anda agar kenikmatan seksualnya terus terangsang. Kebanyakan masalah yang dialamai oleh pihak suami ialab cepat terpancar air maninya sebelum pihak perempuan puas. Cara ini dapat membantu melambatkan mani suami terpancar.

## TEKNIK TAHAN NAFAS

Semasa memasukkan zakar, tahan nafas sehingga tenggelam seluruh batang zakar. Diamkan sebentar. Kemudian, baru lepaskan nafas.

Semasa membuat goyangan sorong tarik, tahanlah nafas dan apabila hendak melepaskan nafas, hentikan goyangan. Begitulah seterusnya apabila hendak menggoyang kembali. Petua ini bertujuan untuk melambatkan keluarya air mani.

Ada baiknya jika anda melipatkan lidah di langit-langit dan niatkan dalam

hati bahawa selagi tidak turun lidah ini tidak turun mani. Apabila anda hendak mencium atau menghisap lidah isteri, hentikan goyang.

## TEKNIK NAFAS SONGSANG

Satu lagi teknik yang diamalkan oleh orang-orang tua kita untuk memperolehi kenikmatan ketika berjimak dikenali dengan teknik nafas. Caranya adalah seperti berikut:

- Semasa melakukan goyangan (keluar masuk zakar), hendaklah berlawanan dengan keluar masuk nafas isteri. Nafas isteri keluar, zakar masuk dan apabila nafas masuk, tarik zakar hampir-hampir keluar.
- Untuk mengetahui nafas isteri keluar, bila ia kempis perutnya dan tanda masuk nafas ialab buncit perutnya Ia juga dapat menahan mani dan mempunyai beberapa kelebihan lagi. Atau anda boleh rapatkan muka pada hidung isteri dan rasakan irama hembusan nafasnya.

## TEKNIK KERJASAMA

Apa yang paling penting untuk melambatkan anzal kedua pihak atau untuk sama-sama serentak anzal, ialah kedua suami iisteri hendaklah berpakat. Bila suami terasa hendak anzal, suami hendaklah berhenti menggoyang. Jika isteri sedang asyik menggoyang-goyang, suruh ia berhenti dulu. Demikian dengan pihak iisteri jika hendak anzal bersama, beritahu agar sama-sama menanti agar anzal serentak.

Cara kerjasarna ini hanya boleh wujud bagi suami isteri yang saling cinta menyintai dan tidak ada rasa segan dan saling memikirkan untuk sama-sama memberi kepuasan kepada pasangannya, bukan semata-mata memikirkan untuk memuaskan nafsu sendiri sahaja, setelah itu membiarkan pasangannya tersadai tanpa kepuasan.

## TIDAK LUPA ALLAH

Walaupun semasa bersetubuh, jangan biarkan diri anda lalai daripada

mengingati Allah. Biarlah pancutan air mani anda keluar sambil anda mensucikan dengan kalimah zikrullah. Semasa anda masukkan zakar, berzikir dalam hati dengan kalimah Allah, semasa hendak menariknya juga dengan zikir. Begitulah seterusnya. Semasa dayungan sorong tarik, hati anda terus berzikir dengan Allah. lni bertujuan supaya fikiran dan perasaan anda dapat menumpukan pada keagungan Ilahi, dan dari segi psikologinya ia akan dapat memberi anda keupayaan mengawal dan mengemudikan keJakuan jimak anda, serta melambatkan keluarnya air mani. Di samping itu, biasanya anak yang dilahirkan sukar untuk berpenyakit sawan.

Baca doa ketika anzal/orgasme

Ketika anzal atau terpancar mani, maka bacalah pula doa berikut di dalarn hati dan jangan membaca secara Iisan atau menggerak kedua bibir, kerana dilarang menyebut nama Allah ketika hadas besar. Tetapi menyebut di dalam hati tidak dilarang.

Doanya adalah seperti berikut:

وَ هُوَ الَّذي خَلَقَ مِنَ الماءِ بَشَرا فَجَعَلَهُ نَسَبًا وَ صِهْرًا و كانَ رَبُّكَ قَديرًا

Dan Dia (pula) yang menciptakan manusia dari air, lalu Dia jadikan manusia itu (mempunyai) keturunan dan mushâharah, dan adalah Tuhan-mu Maha Kuasa. - al Furqan, Ayat 54

Ada pula fatwa menganjurkan agar semasa terpancar air mani (anzal), ucaplah "La ilahaillallah Muhammadur Rasulullah" di dalam hati, bukan dengan lidah atau secara berlafaz. Tujuannya ialah untuk mengislarnkan benih-benih yang mula beroperasi untuk menjadi zuriat.

Kebiasaannya, orang cuma mengazan atau memperdengar-kan kalimah syahadah, apabila anak baru lahir, tetapi ada pendapat menganjurkan agar kita mengIslam zuriat kita sejak ketika benihnya lagi iaitu semasa keluar mani dengan mengikut kaedah yang disebut di atas.

Ketika menyebut di dalam hati itu, hendaklah disertai dengan niat agar benih itu menjadi insan yang soleh. Orang yang memberi petua kaedah ini kepada saya telahpun meninggal dunia dan ilmunya sekarang saya sebarkan kepada umum, semoga Allah memberi pahala kepadanya apabila ada yang mengamalkannya.

Saya masih ingat pesanannya: "Manusia ketika ibadah ingat kepada Allah, tetapi dalam berjimak lalai pada Allah, padahal jimak itu hendak mengeluarkan benih yang suci yang mana pihak lelaki tempatkannya selama 40 hari di dalam rahim isterinya. Datangnya dengan kalimah, keluarnya dengan kalimah. Bezakan jimak kami dengan jimak haiwan dan dengan jimak orang yang kafir, juga dengan jimak orang yang jahil yang berjimak semata-mata untuk memuaskan nafsu"

Mengesat Dan Meramas

Sebaik sahaja selesai berjimak, sebelum membasuh kemaluan, isteri hendaklah mengesat kemaluan suami dengan kain tuala alau kain pengesat atau kertas tisu. Cara itu boleh mengharmonikan rasa kasih suami dan suami terasa nikmat jika semasa mengesat itu, isteri mengusap dan ramas-ramas serta mengurut-urut dengan perlahan zakar suami.

Peranan Kerjasama Suami Isteri Meningkatkan Kenikmatan

Suami dan isteri dalam setiap persetubuhan mestilah melaksanakan peranan masing-masing bagi mencapai kepuasan bersama. Peranan suami terletak pada sejauh mana suami memahami teknik bersetubuh dengan pelbagai macam teknik dan posisi. Sedang isteri pula tidak boleh diam diri ketika jimak berlangsung. Isteri harus ikut aktif dalam setiap persetubuhan.

Agar mencapai perkahwinan yang harmonis, maka diperlukan peranan aktif-dari isteri dalam persetubuhan sehingga suami merasa sayang dan cinta kerana memberikan kenikmatan syurga dunia. Dan suami tidak jatuh dalam pelukan wanita lain. Jangan mengada-ngada dengan berbagai alasan untuk menolak keinginan suami mencumbu dan mengajak untuk berjimak kerana tidak menyukai cara suami yang aneh-aneh seperti misalnya bersetubuh dengan berbagai posisi yang berganti-ganti.

Hendaklah diketahui bahawa hal itu dilakukan adalah untuk kesenangan dan kenikmatan kedua belah pihak, kerana jika melakukan dengan hanya satu posisi saja tanpa menukar-nukar dengan posisi yang lain dari waktu ke waktu menyebabkan timbul perasaan bosan.

Jika seorang isteri mengetahui keinginan-keinginan seks yang terkandung dan terselubung dalam otak suarni, berbahagialah isteri tersebut. Isteri ha-

rus berusaha agar suami jangan jatuh ke jurang maksiat seks. Selamatkanlah suami ke dalam pelukan anda. Sebab apabila isteri tidak berhasil menjaga suami dari pelukannya dan sampai jatuh ke dalam pelukan wanita lain, maka rosaklah rumahtangga.
Ramai suami yang naik ghairah seksnya bila melihat isterinya memakai pakaian yang seksi, misalnya memakai seJuar ketat atau seluar pendek atau bikini dan coli tipis alau lain-lain jenis. Waktu itu, si isteri bendaklah mengetahui bagaimana untuk membuatkan suami menjadi gembira dan puas. Caranya ialah mengenakan pakaian yang dapat mengairah seks suami, kerana suami akan terpancing ghairah seksnya dengan melihat isteri memakai pakaian yang menarik.

Seorang isteri yang tidak bersedia dan tidak mahu mengikuti atau menkabulkan keinginan suaminya dalam soal seksual akan membahayakan kehidupan perkahwinannya. Suatu waktu isteri akan ditinggalkan suaminya dan mengalami kesunyian di malam hari.

Cara yang terbaik dalam masalah seks ialah penyerahan zahir dan batin kepada keinginan suami dan demikian juga dengan suami, penyerahan dirinya zahir dan batin kepada keinginan isteri, asal dalam batas kewajaran manusia melakukan hubungan suami isteri. Kerana kadang-kadang suami atau isteri, masing-masing mempunyai selera atau pun daya tarikan dan kemahuan seks yang tersendiri.

Oleh itu dalam mengadakan hubungan seks, suami atau isteri menyerahkan hal itu kepada cara masing-masing, Perlu diingat agar masing-masing tidak hanya pentingkan diri sendiri, tanpa mengira pihak lain apakah suka atau tidak. Jika salah satu pihak melakukan mengikut suka hati sendiri, sedangkan pihak lain tidak suka, ini berkemungkinan boleh mendatangkan perasaan bosan atau geli-geleman.

Walau bagaimana pun, dalam semua hal, suami isteri kena berpakat dan berbincang tentang caramana masing-masing berasa nikmat, selesa dan menggembirakan. Mana-mana yang kurang disenangi, jika boleh bertolak ansur dengan cara yang baik, eloklah dibuka ruang untuk bertolak ansur.

Hendaknya diketahui bahawa jarang terdapat suami yang sanggup mengungkapkan rahsia yang terkandung di dalam batinya dan jarang pula yang

sanggup berbual-bual memberikan pengertian kepada isterinya. Pada umumnya mereka menyukai jalan yang paling mudah. Dan ini harus dicegah. Jangan biarkan suami terjerumus demikian. Demikian juga di pihak isteri, maka suami kenalah fahami hal-hal yang tersirat itu.

Seorang suami atau isteri hendaknya sentiasa memperba-arui kebidupan perkahwinan mereka, misalnya mengusahakan dan mengubah pelbagai cara dalam persetubuhan, agar tidak terasa jemu dengan satu cara sahaja. Contohnya, isteri hendakJah berusaha memikat suaminya dengan memakai pelbagai fesyen pakaian yang menarik hati suaminya.

Demikianlah di pihak suami agar sentiasa merancang strategi untuk menghadapi isteri dengan suatu cara yang tidak dapat dijangkakan oleh isteri sebelumnya. Inilah teknik dan seni percintaan di antara suanni isteri yang perlu diiwujudkan dengan penuh penelitian dan kesabaran.

Berbubung dengan itu pelbagai gerakan harus dilangsungkan ketika bersetubuh, bagi mencapai kepuasan di pihak isteri atau suami. Untuk keperluan itu isteri harus memberi peluang kepada suaminya agar pada tempat-tempat atau pada alat kelaminnya dapat tersentuh oleh zakar agar mendapat geselan yang tepat dari suanni.

Tempat-tempat khusus yang sensitif ialah kelentit, dinding vagina, dan mulut rahim/batu meriyan. Umpamanya, isteri dapat menolong mengadakan gerakan (goyangan) secara berganti-gantian dengan suaminya iaitu setiap gerakan ke bawah dari suaminya disarnbut dengan gerakan ke atas dari isterinya.

Untuk memberikan kenikmatan yang lebih, isteri hendak-lah melakukan gerakan-gerakan seperti berputar-putar atau bergoyang-goyang. Untuk membuat isteri puas pula, maka pihak suami tabu cara untuk mengenakan gesekan zakarnya agar menyentuh kelentit dan dindng rahim bahagian atas, bahagian bawah, bahagian kanan, bahagian kiri, tekanan gesekannya pula harus berganti-ganti.

Bila suami sedang berada di atas, isteri hendaknya memegang dan memeluk suami dengan penuh ghairah agar kedua pihak bertarnbah nikmat. Setelah itu isteri lakukan pula gerakan pinggangnya dan goyangan-goyangan seolah-

olah satu lingkaran atau putaran. Sekiranya isleri berada di bawah dengan mendiamkan diri, mungkin suami akan terasa isterinya tidak ada respon bagai bersetubuh dengan batang pisang sahaja. Tentu suasana menjadi hambar.

Sebenarnya goyangan-goyangan sangat memberikan nikmat dan kesedapan pada suami. Goyangan-goyangan itu seperti tarian Hawaian atau tari Hula-hop, iaitu tarian yang menggunakan lingkaran rotan yang melingkar di pinggang. Bagi isteri yang pinggangnya ramping dan kalau berjalan berlenggang lenggok, membuat gerakan goyangan-goyangan seperti lingkaran itu tentulah tidak sukar.

Isteri hendaklah pintar melayani suaminya dalam persetubuhan, bukan hanya mencintainya saja dengan sebulat hati. Bila hal ini dilakukan maka isteri berhasil menambat suaminya kepada dirinya.

lnsyallah, bahawa betapa kuat keinginan suami supaya dia dilayani, samalah seperti dia melayani kesenangan isterinya selama bersetubuh. Seorang isteri yang pandai menari suatu tarian adalah baik, dan lebih baik lagi bila isteri pandai menarikan suatu tarian yang bermanfaat bagi kehidupan rumahtangga iaitu larian persetubuhan dengan seni yang halus dan lembut semasa bersetubuh dengan suaminya.

Gerakan-gerakan yang halus ialah gerakan yang dilakukan dengan perasaan. Kedua belah pihak dapat melakukannya. Suami mengangguk-anggukkan zakamya yang sedang berada di dalam faraj dan isteri pula meramas-ramas zakar yang berada di dalam farajnya dengan mengadakan gerakan (kemutan) farajnya, menyedut-nyedut batang zakar suaminya bagai anak-anak menghisap jejarinya.

Atau gunakan gerakan punggung di tarik ke bawah dan mengangkatkan sedikit pinggangnya ke atas. Cara itu akan memberi rasa bagai kemutan liang faraj. Kesedapan isteri yang paling tinggi ialah bila kepala zakar suami dapat menyentuh-nyentuh leher rahimnya /batu meriyan, atau batang zakar suami menyentuh kelentitnya. Usaha suami untuk mencari leher dan mulut rahim yang terletak jauh di dalam faraj itu hendaknya dibantu oleh isteri. Jangan malu-malu memberitahukan kepada suami tempat mana yang paling enak tersentuh oleh zakar suamiinya.

Ramai isteri-isteri berpendapat apabila leher rahimnya tersenggol-senggol hujung zakar suaminya, inilah pengalaman yang paling memuaskan, dibandingkan dengan keluar maninya kerana gesekan-gesekan pada kelentit dan dinding vagina (faraj), lebih-lebih lagi ketika sedang mencapai klimaks. Oleh sebab itu ada isteri yang menyuruh suaminya menggoyang lebih kuat dan menjunamkan zakarnya lebih dalam lagi ke dalam farajnya, ketika ia sedang sampai kemuncak (terpancar maninya), sambil itu isteri juga, tanpa disedari mengerang kesedapan lebih kuat. Itulah saat puncak nikmat isteri.

lsteri juga boleh menentukan lamanya masa bersetubuh, apabila turun maninya yang terakhir sudah membuatnya benar puas (sampai klimaks). Dan jangan malu-malu mengatakan kalau isteri belum puas. Suami harus mempelajari kebiasaan nafsu isterinya. Setelah mengetahui berusaha supaya dia pun memancarkan air maninya serentak dengan saat isterinya terpancar maninya. Persetubuhan ini akan menambahkan kenikmatan apabila keduanya terpancar mani serentak.

Kedua-duanya akan merasakan adanya tarikan-tarikan yang timbal-balik dalam alat kelamin. Isteri dapat memperhebat semburan rnani suaminya dengan memicit-rnicit punggung suami sambil menarik punggung suami ke bawah agar tusukan (tikaman) zakar suami menjunam lebih dalam dan terasa sentuhan pada leher rahimnya.

Suami pula ketika itu akan terasa seluruh zakarnya bernda dalam liang faraj, sambil ia menguatkan lagi goyangannya. Setelah isterinya selesai, barulah goyangan dihentikan dan menamatkan goyangannya dengan ditusukkan lebih dalam zakarnya ke dalam faraj iisterinya. Ketika itu, tanpa disedari dan terasa malu, isterinya akan mengerang kesedapan dan sambil tangannya memeluk badan suaminya dengan erat sekali.

<u>Peranan Perasaan Kasih Sayang</u>

Rasa mengasihi dan menyayangi harus tumbuh di dalam kalbu, kerana seni memberikan kesenangan kepada suami dan sebaliknya ialah kasih sayang dan kebaktian. Keindahan dan manisnya semua liku di dalam persetubuhan itu ditemukan bila di situ terdapat cinta yang padu.

Rasa cinta mencintai antara suami isteri itu lebih kudus dan lebih suci apa-

bila didalamnya terdapat rasa kebaktian.l steri berbakti kepada suaminya dan suami menyayangi isterinya dengan sepenuh hati. Persetubuhan dipandang sebagai kebaktian yang seindah-indahnya adalah bergantung pada kerjasama suami isteri selama mereka bersetubuh. Bila berjimak hanya kerana ingin melepaskan nafsu saja, hal itu menimbulkan kesan yang keji. Bila hal itu berlangsung, akan menimbulkan rasa jijik pada isteri bila disetubuhi oleh suaminya.

Sebaliknya pula, bila isteri minta ia disetubuhi kerana ingin memuaskan hawa nafsunya akan terasa pula dalam batn suami apa sebenamya yang lerkandung dalam kemahuan isterinya. Sebab itu, hendaknya persetubuhan dilakukan dengan niat untuk memberikan kepada yang disayangi akan kenikmatan yang setinggi-tingginya yang dapat diberikan. Maka, barulah persetubuhan itu memberi bekas yang baik, luhur apa lagi untuk mendapatkan keturunan.

Pemberian yang ikhlas itu bagi jiwa diterima sebagai suatu bukti cinta, kasih dan sayang yang amat memuaskan. Bila suami isteri sarna-sarna merasakan pemberian itu dengan ikhlas dan melahirkan niat suci itu (dalam jimak yang aktif) untuk kesenangan suaminya atau untuk kesenangan isterinya maka jimak itu terjadi suatu yang kudus, yang kesannya tetap memperkuat dan memperteguh persatuan jiwa suami isteri berdua untuk selama-lamanya.

Persetubuhan dengan niat bakti kepada pasangan kita dan bersyukur kepada Allah SWT atas nikmat yang diberikannya kepada kita itu dipandang oleh agama Islam sebagai suatu ibadah dan berpahala.

Sepertimana sabda Nabi SAW, maksudnya;

"Dan bagi kamu pahala kerana menjimak isteri. Para sahabat bertanya: Apakah melepaskan nafsu syahwat kepada para isteri itu mendapat pahala? Jawab Nabi SAW , 'Apa pendapat kamu kalau sekiranya melepaskan nafsu syahwat kepada yang haram, apakah ia tidak berdosa? Begitulah apabila ia dilepaskan ke jalan yang halal, maka pastilah mendapal pahala"

Nabi SAW bersabda lagi, maksudnya ;
"...... dalam melakukan persetubuhan dianggap melakukan sedekah..... "
(Riwayat Muslim)

Persetubuhan akan dinilai sebagai ibadah sedekah kalau dilakukan dengan niat hendak menyedekahkan kepada isteri atau kepada suami. Hadis yang menyatakan anggota badan dapat melakukan sedekah. Misalnya tangan kita yang memungut paku di jalan dan melemparkan ke tepi agar orang yang lalu-lalang tidak memijaknya adalah sedekah. Misalnya memberikan nasihat yang baik kepada seseorang yang diucapkan dengan lidah, merupakan sedekah.

Sabda Nabi SAW itu menerangkan apabila seseorang mahu bersedekah itu ada banyak jalannya. Dengan pekerjaan kelaminnya pun seseorang akan dapat beramal, sedekah kepada orang yang berhak menerimanya iaitu suami atau isteri kita.

Dengan niat hendak bersedekah kepada isteri atau suami kita terhindar nafsu ingin memburu kesenangan diri sendiri. Betapa kudusnya persetubuhan yang dilakukan sebagai pekerjaan ibadah bagi melayani suami atau isteri atas niat bakti, tanpa mengharapkan balas jasa apa-apa. lnilah budi pekerti yang meluhurkan persetubuhan.

lni dipandang sebagai puncak kepuasan jiwa. Bagi suami isteri yang berperasaan halus, kenikmatan dalam persetubuhan merupakan syarat mutlak untuk memperoleh kepuasan rohani. Kenikmatan tidak akan didapati dalam persetubuhan jika di antara dua orang suami isteri yang saling membenci alau persetubuhan tanpa nikah (zina) atau tidak berniat kerana ibadah dan rasa bakti. Selepas kedua-dua suami isteri selesai bersetubuh dan setelah keduanya dianugerahi rahmat kenikmalan bersetubuh yang sempuma, berilah ciuman sebagai tanda terima kasih kepada suami atau isteri sebelum masing-masing terlelap dalam tidur.

Hal ini merupakan sentuhan terakhir untuk lukisan kasih sayang yang mana lukisannya telah dilukis berdua dengan mesra. Apabila dari cetusan kasih sayang suami isteri yang sejak awal sampai akhir mencapai puncaknya dengan keluamya mani, maka persetubuhan seperti itu tidak menimbul letih dan lesu, tidak terasa sengal pada tubuh dan boleh menghapus rasa benci dan pemarah. Yang hanya didapati ialah kesedapan yang meliputi jasad dan roh. Bahkan keesokannya masing-masing terasa segar dan amat mesra sekali. Itulah puncak kenikmalan dan kebahagiaan syurga dunia. Insyallah.